


PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA SETIA



Dari Kiri : Faznur Idza Ali Azhar, Paramjit Kaur, Tengku Mohd Ariff Tengku Hussain, Shamsul Bahrain Ahmad, Mohd Fadzli Mat Lahim (SKM), Jayakumar A/L Krishnan, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid, Ng Sook Yen, Mohd Fadzil Abd Ghani, Mohanan A/L K Rajoo, Siti Sharifah Ariffin, Ibrahim Airudin dan Visvalingam A/L K.Rajoo.



Muhammad Taufek Zainal
Print Tower Sdn Bhd



Mohammad Zamri Mohd Radzi
Print Tower Sdn Bhd

APRIL 2025 - Setiap tahun Koperasi Media Prima Berhad (Kopmedia) mengadakan acara penghargaan kepada anggotanya. Tahun ini, 16 anggota menerima Anugerah Setia melebihi 35 tahun bersama koperasi. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan semasa Majlis Pelancaran Koperasi Media Prima Berhad pada 28 Februari lalu di Coopmart, Tingkat 6, Anjung Liku, Balai Berita Bangsar. Pada majlis pelancaran, seramai 8 orang telah hadir menerima anugerah iaitu Mohanan a/l K. Rajoo, Visvalingam a/l K. Rajoo, Paramjit Kaur, Jayakumar a/l Krishnan, Shamsul Bahrain Ahmad, Tengku Mohd Ariff Tengku Hussain, Ibrahim Airudin dan Ng Sook Yen. Anugerah disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid.

Di majlis yang sama, penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo, Faznur Idza Ali Azhar dan pemenang Pembeli Tertinggi Coop Mart bagi tahun 2024 adalah Siti Sharifah Ariffin turut disampaikan oleh Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid.

Usaha meraikan mereka ini bukan sahaja untuk memberi penghargaan kepada anggota yang setia bersama koperasi tetapi juga untuk memberi galakan kepada anggota sedia ada untuk terus kekal menjadi anggota walaupun telah berhenti atau bersara dari syarikat. Setiap pelanggan dari kalangan anggota yang membeli barangan di Coopmart akan diberi mata ganjaran dan seterusnya pengumpulan mata ganjaran dalam tempoh setahun akan dihadiahkan semula kepada anggota dalam bentuk rebet atas langganan.

Diharap dengan adanya rebet ini, ianya akan menarik minat semua anggota untuk membeli di Coopmart dan layak menerima hadiah untuk pembelian tertinggi Coop Mart pada tahun berkenaan.

Tahniah kepada anggota semua yang menerima anugerah ini dan terima kasih atas kesetiaan dan komitmen anda dengan Kopmedia.